

**UiTM Dipilih Lokasi Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera
Bernama
14 Sept, 2013**

SHAH ALAM, 14 Sept (Bernama) -- Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabtu dipilih kerajaan untuk mengumumkan dasar-dasar utama Agenda Bumiputera yang akan meletakkan Bumiputera "berdiri sama tinggi" bersama bangsa lain di dalam juga di luar negara.

Ia menjadi lokasi Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang mana Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan lima strategi utama bagi memperkasakan ekonomi Bumiputera.

"Universiti Teknologi MARA dipilih kerana ia merupakan sebuah institusi simbol serta perlambangan kepada perjuangan Melayu dan Bumiputera yang tiada pernah hentinya," kata Najib yang juga Presiden UMNO ketika memulakan ucapannya.

Lima strategi utama itu meliputi modal insan, pemilikan ekuiti, pemilikan aset bukan kewangan, keusahawanan, dan penyampaian perkhidmatan.

"Kita berhimpun di sini bukan untuk saja-saja, kita berkumpul di sini bukan untuk suka-suka. Seperti slogan yang popular, UiTM Dihatiku, makanya, Universiti Teknologi MARA ini sangat dekat di hati kita, sebagai sebuah institusi Bumiputera yang cukup membanggakan," kata Perdana Menteri.

Turut hadir menteri-menteri kabinet, ahli perniagaan Bumiputera, ahli akademik, dan ribuan pelajar di Dewan Agong Tuanku Canselor, Kampus Induk UiTM, Shah Alam di sini.

Presiden UMNO ini juga turut mengimbuai ucapannya sebagai Timbalan Presiden UMNO, pada Perhimpunan Agung tahun 2005 yang mana beliau telah mengumumkan supaya pengambilan pelajar UiTM ditingkatkan daripada 100,000 kepada 200,000 menjelang tahun 2015.

"Kini, Alhamdulillah, bilangannya sudah pun mencecah 180,000 orang," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977755>